

ورتا فئرغن

Warta Penerangan



APRIL 2017





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Reka Letak
Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



Isi Kandungan

Muka

Majlis Bertahlil sempena penubuhan Jabatan Penerangan	5
Program Muzakarah Penerangan pemudah cara bagi penduduk mukim dan kampung	6 - 7
146 hadiri Taklimat Perkampungan Sivik	7 - 8
Tingkat hubungan dua hala melalui Program Sua Muka	9 - 10
130 penuntut Tahun 7 SMSB hadiri Taklimat Kenegaraan	10 - 11
Semai semangat patriotisme penuntut	12 - 14
Platform menyampaikan dasar kerajaan	14 - 15
Perlawanan Badminton sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun	15 - 16
Program Rakan Remaja Penerangan suntik semangat kenegaraan pelajar	16 - 17
Peristiwa Penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Barigakan maklumat semasa, dekati rakyat	18 - 19
Pembentangan hasil penempatan kerja mahasiswa Universiti Brunei Darussalam	19 - 20
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	21 - 22
Senarai para mahasiswa membentangkan Penempatan Kerja & Pengalaman Kerja	23

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama, Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Majlis Bertahlil sempena penubuhan Jabatan Penerangan

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi



TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi paduka ayahanda dan Bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Almarhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman di Kubah Makam Diraja, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Majlis bertahlil ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti yang telah disusun oleh Jabatan Penerangan sempena memperingati penubuhannya yang ke-65 tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai kementerian Jabatan Perdana Menteri dan para pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Masjid, Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar, Imam Masjid Kampung Belimbing Subok.

Program Muzakarah Penerangan pemudah cara bagi penduduk mukim dan kampung

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hamzah Mohidin

KILANAS, Khamis, 20 April. - Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan baik dua hala di antara pihak kerajaan dan penduduk mukim, Jabatan Penerangan mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Kilanas Tahun 2017.

Program muzakarah yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas itu dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Ahli-ahli panel program muzakarah tersebut terdiri daripada ketua-ketua jabatan, penolong-penolong ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Turut hadir, Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan.

PMP diharap akan dapat merapatkan lagi hubungan mesra yang terjalin di antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya dengan penduduk mukim. Menerusi program tersebut, ia memberi peluang kepada penduduk mukim untuk mengutarakan isu-isu permasalahan yang dihadapi bagi pertimbangan pihak agensi-agensi kerajaan. Dalam masa yang sama, pihak berkenaan juga dapat memberikan penerangan dan penjelasan kepada penduduk mukim mengenai isu-isu yang dibangkitkan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bersama para penduduk Mukim Kilanas.



TURUT hadir, Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus dan ketua-ketua kampung.



PARA penduduk kampung berminat dengan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan.



SEBAHAGIAN daripada penduduk kampung di bawah Mukim Kilanas yang hadir pada muzakarah tersebut.



AHLI-AHLI panel Program Muzakarah Penerangan (PMP) yang terdiri daripada wakil dari jabatan-jabatan kerajaan.

146 hadiri Taklimat Perkampungan Sivik

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam semasa hadir dalam Taklimat Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Sabtu, 8 April.- Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan sekali lagi akan mengadakan Perkampungan Sivik bagi para peserta lepasan ijazah pada pertengahan Mei depan.

Sehubungan itu, seramai 146 mahasiswa lepasan ijazah hari ini hadir mendengarkan taklimat mengenai Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam itu yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat yang dibacakan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Md. Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim.

Taklimat mengenai Perkampungan Sivik disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan.

Dalam taklimat tersebut, turut menerangkan kandungan Perkampungan Sivik yang akan berjalan selama 6 hari 5 malam yang akan bermula pada 14 Mei hingga 19 Mei 2017 dan berpusat di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun, Mukim Sungai Kebun.

Antara kandungan Perkampungan Sivik tersebut meliputi siri aktiviti, lawatan dan ceramah yang sememangnya bermanfaat dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dalam proses mencari pekerjaan serta memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan.



TAKLIMAT mengenai Perkampungan Sivik telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan.

8 Warta Penerangan

Turut sama mengongsikan pengalaman ialah Awangku Mohd. Syukri bin Pengiran Haji Metussin dan Dayang Nur Amalia binti Haji Alidi yang merupakan peserta terdahulu Perkampungan Sivik berkenaan.

Antara objektif Perkampungan Sivik diadakan ialah bagi memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Selain itu, ia juga untuk membantu para peserta meneroka peluang-peluang keusahawanan, di samping membolehkan mereka menimba pengalaman sebagai nilai tambah dalam menempuh proses pencarian peluang pekerjaan yang kompetitif dan mencabar.

Hadir semasa sesi taklimat tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam; Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad; para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan serta ibu bapa dan penjaga para peserta.

PERKONGSIAN lepasan peserta Perkampungan Sivik terdahulu iaitu Dayang Nur Amalia binti Haji Alidi juga turut mengongsikan pengalaman semasa menyertai kursus tersebut sebelum ini.



SEBAHAGIAN mahasiswa yang hadir mendengarkan Taklimat Perkampungan Sivik bagi Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam.

Tingkat hubungan dua hala melalui Program Sua Muka

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika bergambar ramai bersama Ketua Kampung Mumong, Mukim Kuala Belait, Majlis Perundingan Kampung dan penduduk kampung tersebut.

KUALA BELAIT, Sabtu, 1 April. - Dalam Kusaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Sua Muka yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Mumong, Mukim Kuala Belait, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013, keusahawanan serta Program Masyarakat Maklumat.

Program tersebut adalah landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog juga lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Program Sua Muka itu adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat, selain dijadikan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara.

Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara kerajaan dengan rakyat.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar mengetuai Rombongan Jabatan Penerangan dalam Program Sua Muka.

Rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dialu-alukan oleh Ketua Kampung Mumong.

Majlis Perundingan Kampung dan penduduk kampung tersebut, antara lain mengongsikan mengenai peluang-peluang pekerjaan serta kesejahteraan mukim dan kampung, sementara pihak jabatan mengongsikan maklumat-maklumat penting



PROGRAM Sua Muka yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Mumong, Mukim Kuala Belait, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.



SALAH seorang kakitangan Jabatan Penerangan ketika menunjukkan tatacara untuk memuat turun e-Paper Pelita Brunei.



ANTARA Majlis Perundingan Kampung dan penduduk kampung yang hadir dalam program tersebut.

130 penuntut Tahun 7 SMSB hadiri Taklimat Kenegaraan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Selasa, 4 April. - Seramai 130 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB) menghadiri Program Taklimat Kenegaraan yang diumumkan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong bertempat di Dewan Perkumpulan sekolah berkenaan.

Hadir pada majlis tersebut, Pengetua SMSB, Dayangku Hajah Norahizan binti Pengiran Haji Bungsu; Timbalan Pengetua (Pentadbiran) SMSB, Awang Muhd. Hafizuddin bin Abdullah Tong serta guru-guru sekolah berkenaan.

Taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Atur cara juga diisikan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara'.

Seperti lazimnya, para pelajar juga berpeluang menjawab kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, di mana Timbalan Pengetua (Pentadbiran) telah dijemput untuk menyempurnakan penyampaian hadiah kepada 10 pelajar yang berjaya menjawab soalan yang diajukan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



PENGETUA Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Dayangku Hajah Norahizan binti Pengiran Haji Bungsu (kiri) semasa hadir pada taklimat tersebut.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam".



TIMBALAN Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (tengah) semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pelajar yang menjawab kuiz kenegaraan.



SERAMAI 130 penuntut-penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah hadir mengikuti taklimat tersebut.

Semai semangat patriotisme penuntut

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid / Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

LUMAPAS, Sabtu, 15 April. - Bendera negara hendaklah dinaikkan pada hari-hari tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan atau hari-hari istiadat besar yang mana ia dimulai dengan pengibaran bendera besar.

Oleh yang demikian, orang ramai diseru hanya mengibarkan bendera pada hari-hari tertentu yang lazimnya diumumkan melalui Radio dan Televisyen Brunei dan juga akhbar-akhbar seperti Pelita Brunei.

Pegawai Penerangan, Ketua Meja 'A' Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Zubaidah binti Haji Salat mengingatkan perkara itu pada Program Taklimat Kenegeraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam' yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA), di sini.

Beliau menambah, bendera yang hendak dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna (tidak koyak, luntur atau pudar warnanya) serta tidak boleh digunakan bagi tujuan iklan dalam apapun jua cara.

Menyentuh tentang penghapusan bendera negara pula, beliau menjelaskan bendera negara hendaklah dihapuskan dengan cara dibakar dan abunya dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.



PEGAWAI Penerangan, Ketua Meja 'A' di Bahagian Pelita Brunei, Dayang Hajah Zubaidah binti Haji Salat menyampai beberapa naskhah buku terbitan Jabatan Penerangan kepada Pengetua Sekolah, Awang Mohd. Azmi bin Haji Md. Yakup.

Justeru itu, bendera negara dan lagu kebangsaan perlu dihayati dan dihormati kerana ia melambangkan perpaduan dan kedaulatan serta keperibadian sesebuah bangsa dan negara.

Hadir mengikuti taklimat tersebut ialah Timbalan Pengetua SMSUA, Awang Mohd. Azmi bin Haji Md. Yakup juga guru-guru sekolah tersebut serta 148 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Pada taklimat tersebut, para penuntut juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara' dan seterusnya menyertai Kuiz Kenegeraan yang dikendalikan oleh jabatan berkenaan.

Taklimat itu diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegeraan.

Program anjuran Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegeraan, Bahagian Kenegeraan dan Kemasyarakatan tersebut adalah salah satu usaha berterusan jabatan tersebut dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



SEBAHAGIAN dari penuntut Tahun 7 hadir mendengar Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang telah diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.



SERAMAI 148 penuntut Tahun 7, Pengetua Sekolah Awang Mohd. Azmi bin Haji Mohd. Yakup dan guru pegawai dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab bergambar kenangan bersama-sama para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan.

Sementara itu pada hari Rabu, 5 April, taklimat yang sama diadakan di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri yang dihadiri lebih 250 pelajar dan guru-guru sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.



SEBAHAGIAN pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan, 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama warga Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri.

Platform menyampaikan dasar kerajaan

Berita dan Foto oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Sabtu, 15 April. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Bersua Muka yang diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Rambai, Awang Muhd. Murat bin Haji Muhd. Jamin.

Rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Rambai.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir di program tersebut.

Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rambai antara lain mengongsikan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan, kesejahteraan, kemudahan asas yang disediakan di mukim dan kampung.

Sementara pihak jabatan mengongsikan maklumat-maklumat penting dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, keusahawanan serta Program Masyarakat Maklumat, yang mana program tersebut adalah landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Melalui program berkenaan, pihak jabatan memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei iaitu e-Paper Pelita Brunei dan Pelita Brunei *Online* termasuk tatacara untuk memuat turun e-Paper Pelita Brunei.

Program Sua Muka ini adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat, selain dijadikan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara.

Turut hadir ialah Penghulu Mukim Rambai, Awang Khairul Nurul Arsyad bin Haji Abdul Malek merangkap Pemangku Ketua Kampung Merimbun.



PIHAK Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rambai mengongsikan isu-isu yang dihadapi di kampung berkenaan manakala pihak Jabatan Penerangan mengongsikan maklumat-maklumat penting dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035.



DI ANTARA Ahli-ahli MPK Rambai yang mengongsikan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan, kesejahteraan, kemudahan asas yang disediakan di mukim dan kampung.



KAKITANGAN daripada Jabatan Penerangan memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei iaitu e-Pelita Brunei dan Pelita Brunei Online termasuk tatacara untuk memuat turun e-Pelita Brunei.



SESI bergambar ramai.

Perlawanan Badminton sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun

Oleh : Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (tengah) semasa hadir menyaksikan perlawanan badminton.

Hadir merasmikan perlawanan berkenaan yang berlangsung di Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Sebanyak 12 pasukan menyertai perlawanan tersebut yang dibahagikan pada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' terdiri dari Biro Kawalan Narkotik (BKN) 'A'; Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB); Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA); Jabatan Perkhidmatan Elektrik; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara (gabungan); serta Jabatan Penerangan 'A'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 April. - Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun, jabatan berkenaan mengadakan perlawanan badminton yang dibukakan pada jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan media-media swasta tempatan.

Sementara Kumpulan 'B' terdiri dari BKN 'B'; Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB); Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (CSPS); Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC); Insititut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Kehakiman (gabungan); serta Jabatan Penerangan 'B'.

Pada perlawanan dari Kumpulan 'A' menyaksikan pasukan PDB berjaya memenangi ketiga-tiga perlawanan beregu secara *straight set* 3-0 menentang pasukan BKN 'A', iaitu dalam set perlawanan Beregu Lelaki 1 (21-14), Beregu Campuran (21-14) dan Beregu Lelaki 2 (21-13).

Sementara pada perlawanan lain dalam kumpulan yang sama, menyaksikan kemenangan berpihak pada pasukan Jabatan Elektrik yang mengalahkan pasukan SPA dengan kemenangan 2-1, iaitu dalam set perlawanan Beregu Campuran (21-8) dan Beregu Lelaki 2 (21-7). Pasukan SPA berjaya mengutip mata dari Beregu Lelaki 1 (21-10) dari tiga perlawanan tersebut.

Dalam perlawanan dari Kumpulan 'B' pula, BKN 'B' yang menentang pasukan RTB memperoleh kejayaan dengan *straight set* 3-0 masing-masing bagi Beregu Lelaki 1 (21-16), Beregu Campuran (21-14) dan Beregu Lelaki 2 (21-11).

Pasukan EGNC dalam kumpulan sama juga berjaya menumpaskan pasukan CSPA dengan 2-1, iaitu Beregu Lelaki 1 (21-9) dan Beregu Lelaki 2 (21-5). Pasukan CSPA berjaya mengutip mata dari Beregu Campuran mereka dengan mata 21-15.

Perlawanan tersebut dihasratkan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jabatan-jabatan di bawah JPM, selain turut mempromosi cara hidup sihat dalam kalangan para pegawai dan kakitangan.



ANTARA aksi pada perlawanan berkenaan.

Program Rakan Remaja Penerangan suntik semangat kenegaraan pelajar

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 April. Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program RRP ke Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengarah Politeknik Brunei, Kementerian Pendidikan, Denis Ho Mun Tai. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, Kho Guik Lan selaku Pengerusi Bersama program berkenaan; tenaga

pengajar serta 145 pelajar Tahun 9 dan 123 pelajar Tahun 10 sekolah berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa antaranya menjelaskan, menerusi Program RRP tersebut, para pelajar diharapkan akan dapat manfaat. Di samping itu katanya, program tersebut akan dapat menyuntik semangat kenegaraan dalam kalangan para pelajar.

Pada majlis itu, taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya. Semasa menemu bual pelajar Tahun 9, sekolah tersebut, Awang Ahmad Zafri bin Abdullah menjelaskan, Program RRP dapat meningkatkan semangat patriotik kepada golongan remaja.



HADIR selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengarah Politeknik Brunei, Kementerian Pendidikan, Denis Ho Mun Tai.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan semasa menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan.



PENGARAH Politeknik Brunei, Kementerian Pendidikan, Denis Ho Mun Tai semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang pelajar.



PERSEMBAHAN sketsa daripada pelakon tempatan dan menyampaikan kuiz untuk pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa.

Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

ROMBONGAN pegawai dari Jabatan Penerangan dalam Program Pertukaran Lawatan ke Indonesia pada 3 April hingga 13 April 1994 bagi memenuhi kehendak Memorandum Persefahaman di bidang penyiaran dan penerangan antara Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam.

Pedoman

“DIALAH yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu (menjalani kehidupan), maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya. Serta makanlah sebahagian rezekinya dan kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk, ayat 15)

Barigakan maklumat semasa, dekati rakyat

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMANGKU Pengarah Penerangan (tiga dari kiri, duduk) dan rombongan bersama-sama dengan Ketua Kampung dan ahli MPK dalam sesi bergambar ramai.

KAMPUNG KUPANG, Sabtu, 29 April. - Jabatan Penerangan, melalui Unit Hubungan Masyarakat dengan Cawangan Penerangan Tutong secara berterusan mendekati dan barigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di segenap pelusuk negara ini melalui institusi penghulu dan ketua kampung dalam siri Program Bersua Muka atau *Personal Contact*.

Pada program berkenaan para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan berpeluang untuk mendengarkan permasalahan dan cadangan-cadangan daripada rakyat dan penduduk di kawasan berkenaan yang seterusnya akan disalurkan kepada agensi-agensi dalam kerajaan yang berkaitan bagi penilaian dan tindakan selanjutnya.



ROMBONGAN Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Di samping itu, peluang bersua muka dalam suasana yang muhibah ini dapat dijadikan wadah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini dan usaha-usaha kerajaan kepada pemimpin akar umbi untuk dikongsikan bersama penduduk kampung.

Terdahulu Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengetuai rombongan seramai 10 pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Kupang, Haji Awang Puasa bin Haji Kula, di sini.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (kiri) semasa menyampaikan bahan terbitan Jabatan Penerangan kepada Ketua Kampung Kupang, Haji Awang Puasa bin Haji Kula.

Ketua Kampung Kupang dan Ahli-ahli MPK turut mengusulkan beberapa pandangan antaranya isu-isu berkait rapat dengan hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk di kawasan tersebut termasuk kampung-kampung di bawah tadbirnya, iaitu Maraburong, Pulau Beluboh, Kerakas Payau dan Ikas/Bandong.

Dalam masa yang sama pihak jabatan turut menyentuh mengenai penggunaan bendera negara, kain rentang (*banner*) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan sendiri.

Juga disentuh ialah mengenai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang merupakan salah satu landasan yang boleh disertai oleh penduduk kampung secara berkumpulan. Program PMB tersebut dihasratkan dapat menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan siri lawatan.

Pada perjumpaan itu turut diterangkan mengenai akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI versi e-Paper yang disampaikan oleh wakil dari Unit Perhubungan Awam dan Media, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Momin.

Pembarigaan maklumat secara atas talian (*online*), di mana rakyat dan penduduk boleh mengikuti perkembangan semasa melalui akaun Facebook Jabatan Penerangan, iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, akaun Twitter : @infodept_bn dan akaun Instagram : @infodept.bn yang dikemas kini setiap hari.



SEBAHAGIAN ahli-ahli MPK Kupang cuba melayari e-Paper Jabatan Penerangan.



SEBAHAGIAN ahli-ahli MPK Kupang yang hadir pada program berkenaan.


Pembentangan hasil penempatan kerja mahasiswa Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 April. - Majlis Penyampaian sijil dan Sesi pembentangan hasil penempatan para mahasiswa daripada Universiti Brunei Darussalam seramai tujuh orang telah diadakan bertempat di Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang juga menyampaikan sijil kepada para mahasiswa. Majlis tersebut juga dihadiri oleh beberapa pegawai dari unit-unit para mahasiswa tersebut ditempatkan.

Seramai 13 orang mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam telah menjalani penempatan mereka di jabatan ini sejak 9 Januari dan berakhir pada 6 Mei 2017.

Program penempatan ini dihasratkan membuka minda dan mengalami sendiri suasana alam pekerjaan. Para mahasiswa berkenaan juga diharap akan dapat mengenali Jabatan Penerangan secara lebih dekat lagi.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan sijil kepada mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Muhammad Nazih bin Haji Zaini dan Awang Eric Soh Chen Tiong.



PARA mahasiswa Universiti Brunei Darussalam semasa membentangkan hasil penempatan kerja di Jabatan Penerangan.



PARA mahasiswa Universiti Brunei Darussalam sebelum membentangkan hasil penempatan kerja mereka.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

KURSUS/TAKLIMAT/BENGGEL BULAN APRIL 2017			
NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGGEL /SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
Haji Musa bin Md. Yassin	Penyelenggara Stor Tingkat III	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Muhammad Abdul Kafi bin Haji Sulaiman	Penyelenggara Stor Tingkat III	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Julkifi bin Haji Rungging	Penyelenggara Stor Tingkat III	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Safri Bin Haji Talip	Mekanik	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Sharin bin Haji Md Noor / Matnor	Mekanik	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Mariana binti Jais	Penyambut Tetamu	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	03 April 2017
Sadiah binti Haji Kahar	Penyambut Tetamu	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Dk. Hajah Siti Mewartee binti Pg Haji Kahar	Penyambut Tetamu	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	03 April 2017
Hajah Norainah binti Ibrahim	Telefon Operator	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Asnah binti Haji Diwa	Telefon Operator	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Norhasnah binti Haji Ahaim	Penyambut Tetamu / Telefon Operator	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Suhaili @ Saipol Bahri bin Haji Mat Zin	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Haji Mohd. Sahrin bin Haji Dosaman	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Asrin Bin Mohammad Noor	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Mas'ayu binti Perwira Asgar Haji Abdullah	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Dede Sutini binti Mazziz / Hassan	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Ak. Mohd. Noor Zainismandy bin Pg. Haji Ismail	Pembantu Pejabat	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Haji Raya bin Haji Md. Tapa	Pemandu Tingkat II	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Roslan bin Haji Md. Jadi @ Haji Md. Ziadi	Pemandu Tingkat II	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Haji Morni bin Haji Metali	Pemandu Tingkat II	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Haji Jafrey bin Haji Mohd. Hanafiah	Pemandu Tingkat II	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017

Timah binti OKB Haji Ali	Pembantu Kerani 'Open Vote'	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Marinah binti Jumat	Pembersih 'Open Vote'	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Haji Liman bin Haji Rahim	Pemandu Kerita 'Open Vote'	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Hajah Sabariah binti Haji Drahman	Pekerja Tingkat IV(Open Vote)	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Juliana binti Mindas	Pekerja Tingkat IV(Open Vote)	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Masnah binti Haji Md. Tamin	Pekerja Tingkat IV (Open Vote)	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Marliana binti Haji Jamal	Pekerja Tingkat III (Open Vote)	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Hajah Rohayah binti Haji Awang Japar	Pekerja Tingkat IV (Open Vote)	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Mohammad Adi Azim Iskandar bin Jali	Pekerja Tingkat V (Buruh)	Taklimat Peraturan Am Bagi Division 'V' - Hal Ehwal Cuti	3 April 2017
Dayang Sastra Sarini binti Hj Julaihi	Pegawai Penerangan Kanan	Bengkel Implementing Quality & Productivity In Organisation	4 - 6 April 2017
Dayang Hajah Rabi'atul' Adawiyah binti Haji A.ahmad	Pegawai Pentadbir Tingkat I	Bengkel Penyeliaan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019	15 April 2017
Awang Arzi bin Haji Durhman	Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I	Bengkel Penyeliaan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019	15 April 2017
Awang Aliahmad bin Awang Ache	Penyelia Pejabat	Bengkel Penyeliaan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019	15 April 2017
Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	Nadwah Kontemporari Forum: "Ekstremisme Mengancam Perpaduan Ummah"	15 April 2017
Awang Mohammad Rainie bin Haji Duraini	Pegawai Penerangan	Nadwah Kontemporari Forum: "Ekstremisme Mengancam Perpaduan Ummah"	15 April 2017
Dayang Sastra Sarini binti Hj Julaihi	Pegawai Penerangan Kanan	Kursus Aqidqh Ahli Sunnah Wal Jamaah	18 - 20 April 2017
Awang Aliahmad bin Awang Ache	Penyelia Pejabat	Jerayawara Pemotongan Gaji Bagi Pegawai Dan Kakitangan Kerajaan Untuk Disumbangkan Ke Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid	19 April 2017
Dayang Hajah Rabi'atul' Adawiyah binti Haji A.ahmad	Pegawai Pentadbir Tingkat I	Civil Service Leadership Pipeline (Cslp)	25 April 2017


Senarai para mahasiswa membentangkan Penempatan Kerja & Pengalaman Kerja

PEMBENTANGAN PENEMPATAN KERJA & PENGALAMAN KERJA			
NAMA	SEKOLAH & JURUSAN	TEMPAT PEMBENTANGAN	TARIKH PEMBENTANGAN
Awang Muhammad Huzmi bin Lawi	Professional Communication & the Media	Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan	22 April 2017
Awang Mohammad Fadzil bin Abdullah@Mohammad Fadzil bin Haji Buyong	Professional Communication & the Media		
Awang Eric Soh Chen Tiong	Professional Communication & the Media		
Awang Ammar Asyraaf Haji Suhaimi@Zamin	Professional Communication & the Media		
Awang Hadiwansuaikalman bin Haji Mohd. Diah	Professional Communication & the Media	Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan	22 April 2017
Awang Muhammad Nazih bin Haji Zaini	Malay Language & Linguistic		
Dayang Mahirah binti Haji Mohd. Raduan	Academy of Brunei Study		

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**